



# SIARAN MEDIA

---

## **NRES SEDIA GARIS PANDUAN PERALIHAN KENDERAAN KERAJAAN KEPADA KENDERAAN ELEKTRIK**

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mengumumkan satu pencapaian penting dalam usaha memperkukuh komitmen kerajaan kepada agenda kelestarian alam dan pengurangan pelepasan karbon.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, menyempurnakan penyerahan Garis Panduan Peralihan Kenderaan Kerajaan kepada Kenderaan Elektrik kepada wakil Kementerian Kewangan di Bangunan NRES, Blok F11, Kompleks F, Putrajaya, hari ini.

Garis panduan ini merupakan dokumen panduan teknikal kepada semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang memperincikan strategi peralihan kenderaan rasmi Kerajaan kepada kenderaan elektrik secara teratur dan berkesan. Ia mengandungi beberapa komponen utama meliputi aspek perancangan, pelaksanaan, penyelenggaraan dan penilaian peralihan kepada EV. Pelbagai strategi dan inisiatif juga sedang dilaksanakan oleh Kerajaan yang digariskan di bawah Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB) 2021-2030.

YB Menteri menegaskan kepentingan kelestarian alam dan peranan penting Kerajaan serta kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan amat diperlukan bagi mencapai aspirasi karbon sifar bersih pada tahun 2050.

Pada masa yang sama, NRES turut merasmikan Stesen Pengecas Pantas EV (DCFC) yang pertama di Kompleks Kerajaan Putrajaya di Blok F11, Kompleks F, NRES. Pemasangan stesen pengecas pantas ini merupakan salah satu projek demonstrasi di bawah Projek *Green Technology Application for the Development of Low Carbon Cities* (GTALCC) yang diselaraskan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia selaku agensi pelaksana dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan.

Peralihan kepada kenderaan elektrik merupakan kepimpinan melalui teladan oleh Kerajaan bagi mengurangkan pelepasan karbon daripada sektor pengangkutan. Berdasarkan *Biennial Update Report* (BUR) 4, sektor pengangkutan merupakan sektor kedua tertinggi yang menyumbang 25.05% kepada jumlah pelepasan karbon sektor tenaga di Malaysia. Dengan peralihan ini, Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan pelepasan karbon dan kebergantungan kepada bahan api fosil.

Majlis hari ini dihadiri oleh wakil dari pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan termasuk Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Pihak industri diseru memainkan peranan dalam menyediakan teknologi pengecasan dan kenderaan elektrik. Kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta merupakan kunci utama kejayaan dalam peralihan kepada kenderaan elektrik yang lebih efisien dan mesra alam.

Peralihan kepada teknologi hijau bukan sahaja membantu mengurangkan pelepasan karbon tetapi juga berpotensi mengurangkan kos operasi jangka panjang Kerajaan dengan penjimatan kos bahan api dan penyelenggaraan.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**

**17 DISEMBER 2024**